

13/07/1998

Selangor sasarkan RM10j untuk Dana Khas Negara

SEPANG, Ahad - Kerajaan Selangor meletakkan sasaran mengumpul sehingga RM10 juta untuk Dana Khas Negara dalam usaha membantu memulihkan kegawatan ekonomi negara.

Pengerusi Dana Khas Negeri, Datuk Mohd Sharif Jajang, berkata semua pertubuhan bukan kerajaan, masjid, sekolah dan orang ramai disaran menyumbang seberapa ikhlas sebagai simbol pengorbanan kepada negara.

Menurutnya, jika rakyat Selangor seramai lima juta orang menyumbang RM1 seorang, bermakna RM5 juta dapat dikumpulkan dan sekali gus menunjukkan keprihatinan penduduk negeri ini terhadap masalah yang dihadapi negara.

Beliau berkata, golongan korporat di negeri ini juga disaran menyumbang kepada Dana Khas Negara selain daripada kutipan orang ramai melalui masjid, sekolah dan persatuan.

"Kutipan minggun pada Jumaat juga boleh disalurkan kepada Dana Khas Negara. Sumbangan boleh terus diberikan kepada kerajaan negeri atau Pegawai Daerah di daerah masing-masing," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung Pertubuhan Peladang Kawasan Dengkil di Hotel Ampres di sini, hari ini.

Beliau berkata, serentak dengan itu, semua jentera daerah disaran mengambil daya usaha mengumpul sumbangan ikhlas itu daripada pelbagai pihak untuk disalurkan kepada kerajaan negeri.

Mohd Sharif berkata, semua sumbangan itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan melakukan lawatan rasmi ke Selangor pada 25 Ogos depan.

"Daerah Sepang akan mendahului kutipan Dana Khas Negeri peringkat Selangor dengan menyumbang sebanyak RM500,000," katanya.

Menurut beliau, pada masa yang sama kesedaran orang ramai terhadap masalah yang dihadapi negara akan ditingkatkan melalui pelbagai saluran penerangan termasuk Khutbah Jumaat.

(END)